

Kerajaan timbang untuk berhentikan pegawai2 yang tak perlu - PM

Dr. M - Oversea

tips.

30 SEP 1986

NEW YORK 29 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa kerajaan sedang menimbang-kan untuk memberhentikan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak begitu perlu.

Katanya langkah ini diambil untuk menjimatkan perbelanjaan negara di dalam menghadapi keadaan ekonomi sekarang.

Beliau memberitahu pelajar-pelajar Malaysia di sini hari ini bahawa jumlah 800,000 kakitangan Kerajaan Malaysia adalah sangat besar sekalipun jika dibandingkan dengan negara-negara sosialis.

Tindakan menswastakan perkhidmatan tertentu kerajaan adalah juga merupakan langkah bagi mengurangkan tanggungan perbelanjaan negara, katanya.

Beliau seterusnya memberitahu bahawa penswastaan akan memberikan faedah kepada rakyat dan negara kerana ia akan meningkatkan daya pengeluaran dan akan mengubah sikap pekerja.

Mereka yang bekerja dengan kerajaan tidak bersikap untuk mendapatkan hasil, ujarnya.

Beliau mengemukakan tentang kejayaan yang telah dicapai oleh kontena Pelabuhan Klang dan juga Airod sejak diswastakan.

Beliau menyatakan keyakinannya bahawa perkhidmatan Telekom akan dapat diswastakan pada tahun depan kerana sebahagian besar kakitangannya telah

pun bersejua. Katanya lagi, tidak ada pihak yang rugi di dalam penswastaan ini tetapi masalah yang dihadapi ialah ada kakitangan perkhidmatan ini yang hendak mendapat faedah dari kedua-dua sekali iaitu faedah skim kerajaan dan faedah dari skim penswastaan.

Di samping itu Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah mengingatkan siswazah-siswazah agar jangan lagi semata-mata bergantung kepada kerajaan untuk pekerjaan.

"Kita kena menghadapi realiti bahawa sekarangpun ramai siswazah yang menganggur di tanahair," katanya.